

## Lawatan Rombongan dari University of Niigata, Jepun



Majlis makan malam bersama para pelawat

Pada 10 November 2010 Program Bioteknologi telah menerima kunjungan seramai 11 orang pelawat dari Graduate School of Science and Technology, University of Niigata, Japan. Lawatan diketuai oleh Profesor Toshiaki Mitsui disertai oleh dua orang Profesor Madya, seorang pelajar calon PhD dan tujuh orang pelajar sarjana. Dr. Azwan Awang, pegawai penyelidik dari Pusat Penyelidikan Bioteknologi Koko, Lembaga Koko Malaysia Cawangan Sabah yang bertanggungjawab mengaturkan lawatan ini turut mengiringi para peserta.

Lawatan ringkas ini adalah sebahagian daripada *Training Internship Abroad Program* yang bertujuan untuk membolehkan para pelajar mengenal pasti

masalah berkaitan pengeluaran tanaman makanan serta melihat secara langsung senario penyelidikan bioteknologi tanaman makanan melalui perspektif antarabangsa terutamanya di Asia Tenggara. Para pelawat telah mengadakan sesi pembentangan hasil penyelidikan masing-masing di Bilik Mesyuarat Utama, SST dan seterusnya dibawa melawat makmal Program Bioteknologi serta sekitar kampus UMS. Sebagai tanda terima kasih atas lawatan tersebut, para tetamu telah diraikan pada majlis makan malam yang diadakan di Hotel Hyatt Regency, Kota Kinabalu. Dekan serta Timbalan-timbalan Dekan SST turut hadir memeriahkan majlis.

Artikel oleh: Hartinie Marbawi



Dekan SST menyampaikan cenderahati kepada Prof. Toshiaki Mitsui



Prof. Toshiaki Mitsui memberi taklimat pengenalan berkaitan University of Niigata



Sebahagian daripada peserta lawatan



Perbincangan ringkas bersama Prof. Toshiaki Mitsui